

TARIKH	ISNIN, 4 JULAI 2022
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	KAJI KERJA 4 HARI SEMINGGU BUANG MASA – CUEPACS
M/S	10
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

# Kaji kerja 4 hari seminggu buang masa - CUEPACS

Oleh AHMAD  
FADHLULLAH ADNAN  
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Langkah mengkaji kebolehlaksanaan waktu bekerja empat hari seminggu adalah merugikan dan tidak kena masa apabila perkara-perkara berkaitan kebajikan kakitangan awam belum dilaksanakan.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Adnan Mat berkata, kerajaan sepatutnya memberi fokus kepada perkara yang memberi manfaat kepada pekerja berbanding mengkaji perkara yang belum tiba masanya untuk dilaksanakan.

Menurut beliau, ini kerana banyak perkara lain perlu diberi keutamaan untuk dilihat pelaksanaannya terutama berkaitan kebajikan penjawat awam berbanding kajian dilakukan itu.

“Kajian ini tidak relevan dan buang masa sedangkan sistem penyampaian yang ada sekarang belum boleh bagi perkhidmatan sepenuhnya.

“Lebih baik fokus pada kebajikan penjawat awam seperti keperluan hidup dengan harga barang meningkat dan kelulusan yang dibuat oleh kerajaan seperti gantikan cuti rehat (GCR) yang boleh ditebus 80 hari. Sehingga kini belum dilaksanakan, sekadar isi borang namun tidak ada bayaran.

“Jadi perkara-perkara ini sepatutnya diberi keutamaan daripada membuat kajian yang



**CUEPACS menyeru kerajaan tidak buang masa mengkaji kebolehlaksanaan masa kerja empat hari seminggu sebaliknya fokus kepada pelaksanaan kebajikan kepada penjawat awam yang masih tertangguh.**

akhirnya tidak memberi manfaat,” katanya ketika dihubungi semalam.

Khamis lepas, media melaporkan, JPA menubuhkan pasukan mengkaji sistem bekerja empat hari seminggu di negara ini.

Ketua Pengarah JPA, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah berkata, kajian itu antara lain melihat bidang mana dalam perkhidmatan awam yang bersesuaian untuk pelaksanaan tempoh masa kerja berkenaan serta jumlah waktu bekerja sehari.

Katanya, kajian tersebut juga turut melihat aspek pulangan

pelaburan, sama ada tempoh waktu bekerja itu relevan untuk dilaksanakan atau sebaliknya.

Justeru, Adnan mengharapkan penjawat awam tidak dimokkan dengan kajian tersebut, sebaliknya kekal fokus memberi perkhidmatan kepada rakyat.

“Laksanakan apa yang telah diluluskan kerana ia juga sebahagian bentuk kebajikan supaya penjawat awam terus memberi perkhidmatan terbaik,” jelasnya.

Kaji selidik syarikat Qualtrics sebelum ini mendapati, sejumlah 62 peratus pekerja sepenuh masa di Malaysia lebih

gemar fleksibiliti sepanjang empat hari bekerja dalam seminggu.

Bagaimanapun, kaji selidik yang Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) pada April lalu menunjukkan, sebahagian besar majikan tidak bersedia melaksanakan dasar waktu bekerja empat hari seminggu.

Kaji selidik itu mendapati, 60 peratus daripada 170 syarikat yang tidak mempunyai kerja syif dan 78.6 peratus daripada 112 syarikat yang mempunyai kerja syif, masing-masing tidak bercadang amalan minggu bekerja yang lebih singkat.

DISEDIAKAN  
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-CARLOS LINTON (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM